

BERITA HARIAN

DATE: 15/04/2008

# Biar orang politik selesai masalah sendiri: Abdullah

BH - 15/4/2008

## PM gesa kakitangan awam beri komitmen terhadap tugas

Oleh Abdul Razak Raaff

**P**UTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam mengingatkan pegawai dan kakitangan awam supaya membiarkan soal politik diselesaikan oleh orang politik.

Beliau berkata, kakitangan awam sebaliknya hendaklah memberi fokus dan komitmen tinggi terhadap kerja dengan keutamaan melaksanakan segera setiap arahan yang diberikan kerajaan.

"Soal politik biar orang politik selesaikan kerana peranan kakitangan kerajaan adalah untuk melaksanakan apa juga tugas dan tanggungjawab yang diberi dan arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

"Ini adalah komitmen kita sebagai anggota pentadbiran awam," katanya pada perhimpunan bulanan Kementerian Kewangan di sini. Hadir sama, Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan, turut mengingatkan Perbendaharaan supaya tidak melengahkan sebarang permohonan agensi

dan jabatan kerajaan sehingga menyebabkan kelewatan pelaksanaan projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Perdana Menteri berkata, semua permohonan kepada Kementerian Kewangan perlu diberi perhatian segera bagi memastikan agensi pelaksana dapat menjalankan projek berkenaan dengan lancar.

"Saya mahu semua permohonan daripada agensi atau jabatan kerajaan tidak tersangkut di Kementerian Kewangan dan janganlah kita

**“Kakitangan kerajaan perlu melaksanakan tanggungjawab yang diberi dan arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

menjadi penyebab kepada apa yang mereka tidak dapat hendak laksanakan.

"Saya tidak mahu dengar ada orang kata... perkara berkenaan masih berlaku di Kementerian Kewangan atau Perbendaharaan yang masih belum diselesaikan. Kita tidak mahu jadi begitu dan tidak mahu jadi penyebab atau dituduh berlaku kelewatan dalam satu perkara berkaitan pelaksanaan projek RMK-9.

"Oleh itu, amat perlu bagi kita semua termasuk saya, menteri dan timbalan menteri, pegawai serta kakitangan di kementerian ini untuk memastikan semuanya berjalan lancar," katanya

Abdullah berkata, tindakan segera memproses permohonan agensi atau jabatan kerajaan adalah penting kerana kajian separuh penggal RMK-9 sedang dilaksanakan.

"Perbendaharaan yang menjadi agensi utama, maka banyak perkara yang datang untuk mendapat keputusan penting sama ada berkaitan tender projek atau perkara lain yang diperlukan agensi, jabatan atau kementerian lain.

"Ini penting kerana kajian separuh penggal RMK-9 sedang dibuat dan dengan itu pelaksanaan yang akan berjalan sehingga empat hingga lima tahun akan datang tentulah menjadi perkara yang diutamakan," katanya.

Terdahulu, Abdullah mengucapkan tahniah kepada Nor Mohamed kerana kejayaannya memenangi kerusi Parlimen Tasek Gelugor dalam percubaan pertama bertanding pada Pilihan Raya Umum Ke-12, 8 Mac lalu.

Menceritakan bagaimana perasaan Nor Mohamed ketika dimaklumkan terpilih untuk bertanding sebagai calon Barisan Nasional (BN), Abdullah berkata Ahli Parlimen Tasek Gelugor itu kelihatan 'gabra' (panik).

"Apabila saya beritahu beliau akan bertanding.... dia nampak 'gabra' dan bimbang. Tetapi beliau berjaya dalam percubaan pertamanya.

"Selepas menjadi wakil rakyat, beliau kena tambah kerja... kena balik kawasan hujung minggu. Ini berbeza sebelum ini ketika menjadi senator dan boleh meluangkan banyak masa di kementerian ini," katanya.